

# HLB@SCHOOL

classroom  
adventures...  
EXPLORE • ENGAGE • EMPOWER

**JUN 2023**  
**EDISI 4**



# MENCIPTA PELAN

SATU PANDUAN LANGKAH DEMI LANGKAH

Dengan membuat satu belanjawan, ia adalah seperti anda mempunyai satu pelan yang khas untuk wang anda. Belanjawan boleh membantu jejak jumlah wang yang anda ada untuk berbelanja supaya anda tahu berapa wang yang anda boleh simpan untuk masa depan anda.

Apabila anda membuat satu belanjawan untuk wang saku dan perbelanjaan- perbelanjaan lain, anda akan dapat menyimpan wang yang secukupnya untuk membeli sesuatu yang istimewa untuk diri anda sebagai hadiah.

## BELANJAWAN ANDA

### 1 KIRA ELAUN ANDA

Elaun merupakan wang saku yang anda terima daripada ibu bapa anda setiap hari, minggu atau bulan. Wang yang anda dapat sebagai hadiah juga boleh dikira sebagai elaun anda.

Contoh : Jika anda menerima RM5 setiap hari apabila anda pergi ke sekolah, dan ada 20 hari di mana anda menerimanya, elaun bulanan anda adalah RM100.



**Perkara paling penting tentang membuat belanjawan adalah untuk belajar daripadanya. Kita haruslah berpegang kepada keputusan yang kita ambil tentang wang supaya wang yang kita berbelanja adalah seperti yang kita telah rancang.**

**Apabila anda dapat ikut belanjawan anda, ini akan membuat anda untuk membina satu tabiat yang sihat untuk mengurus wang anda.**



### 2 SENARAIKAN BARANG-BARANG YANG ANDA AKAN BELANJAKAN

Fikirkan semua barang yang anda ingin membeli dengan wang yang anda terima dan buat satu senarai. Anda haruslah membuat senarai tersebut dengan terperinci dan menyertakan harga barang-barang tersebut.

### 3 JEJAKI PERBELANJAAN ANDA.

Gunakan buku nota ataupun Aplikasi HLB Pocket Connect untuk jejak perbelanjaan anda. Apabila anda berbelanja untuk sesuatu, pastikan anda catatkan dalam buku nota ataupun aplikasi dan tolak daripada elaun yang anda terima supaya anda tahu baki wang yang anda ada.




### 4 SIMPAN ELAUN LEBIHAN SEBAGAI WANG SIMPANAN ANDA.

Jika anda masih mempunyai wang baki selepas berbelanja, ia amatlah penting untuk simpan wang selebihnya sebagai simpanan. Wang simpanan akan membantu anda untuk membeli barang-barang yang lebih mahal dan melebihi elaun bulanan anda. Jika anda tahu berapa banyak wang yang anda perlu untuk barang-barang tersebut, anda boleh membuat satu matlamat dan mula menyimpan untuk membeli barang tersebut.



**GUNAKAN APLIKASI HLB POCKET CONNECT UNTUK MEMBANTU ANDA MENJEJAKI PERBELANJAAN DAN TETAPKAN SATU MATLAMAT SIMPANAN WANG.**



### 5 BELAJAR DARIPADA BELANJAWAN BULANAN ANDA.

Setiap bulan, anda haruslah melihat kembali perbelanjaan dan simpanan anda dan mencari cara untuk memperbaikinya. Sebagai contoh, sekiranya anda perasan bahawa anda berbelanja terlalu banyak wang untuk membeli hadiah hari jadi bagi rakan anda, buatlah satu nota untuk membeli sesuatu yang lebih murah pada masa hadapan.